



## TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 198/77

### PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (PELESENAN) 1977

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :

7 Julai 1977

Tarikh mula berkuatkuasa :

1 Oktober 1977

---

#### SUSUNAN PERATURAN

---

#### [Mukadimah.](#)

Peraturan 1. [Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

Peraturan 2. [Borang permohonan lesen.](#)

Peraturan 3. [Borang lesen.](#)

Peraturan 4. [Pembatalan dan penggantungan lesen.](#)

#### [JADUAL.](#)

## **Mukadimah.**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

### **Peraturan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pelesenan) 1977** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Oktober 1977.

### **Peraturan 2. Borang permohonan lesen.**

(1) Permohonan lesen di bawah Akta itu, atau untuk membaharui atau memindahmiliknya hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam Borang 1 dalam Jadual.

(2) Jika pemohon adalah pertubuhan perbadanan, permohonan itu hendaklah diisi dan ditandatangani oleh seseorang yang diberikuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu oleh pertubuhan perbadanan itu.

### **Peraturan 3. Borang lesen.**

Sesuatu lesen di bawah Akta itu hendaklah seperti dalam Borang 2 dalam Jadual.

### **Peraturan 4. Pembatalan dan penggantungan lesen.**

(1) Jika pemegang sesuatu lesen tidak mematuhi apa-apa had atau syarat lesen, Ketua Pengarah boleh membatalkan lesen itu atau menggantungnya selama apa-apa tempoh yang difikirkannya patut.

(2) Penggantungan sesuatu lesen adalah terjumlah kepada pembatalan lesen itu selama tempoh penggantungan.

(3) Pembatalan atau penggantungan sesuatu lesen tidak boleh berkuatkuasa sehingga pemegang lesen itu menerima notis bertulis mengenainya.

## JADUAL

### BORANG 1

(Peraturan 2)

#### PERMOHONAN \*LESEN/UNTUK MEMBAHARUI L ESEN/UNTUK MEMINDAHMILIK LESEN DI BAWAH AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

(satu salinan hendaklah diisi)

Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekitar,

Bahagian Alam Sekitar,

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar,

Tingkat Satu, Oriental Plaza,

Jalan Parry,

KUALA LUMPUR

SAYA / KAMI memohon suatu lesen\*\*  
..... (Nyatakan maksud lesen itu) sebagaimana  
dikehendaki oleh seksyen ..... Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan memberi butir-  
butir yang berikut:

<i>Butir-butir</i>	<i>Panduan Untuk Mengisi Borang</i>
1. (i) Nama pemohon: .....	1. (i) Jika pemohon adalah orang perseorangan, nama penuh mestilah diberi dan jika pemohon adalah pertubuhan perbadanan, nama berdaftar

<p>(ii) Alamat pemohon:</p> <p>Pejabat:.....</p> <p>Talipon:.....</p> <p>Tempat Tinggal:.....</p> <p>Talipon:.....</p> <p>(iii) Bangsa:.....</p>	<p>atau berkanunnya mestilah diberi</p> <p>(ii) Alamat tempat tinggal perlu diberi hanya jika pemohon adalah orang perseorangan</p> <p>(iii) Jika pemohon adalah pertubuhan perbadanan, nyatakan tempat di mana didaftar atau ditubuhkan</p>
<p>2. (i) Nama syarikat induk: .....</p> <p>(ii) Alamat syarikat induk: .....</p> <p>Talipon: .....</p>	<p>2. Dipakai hanya jika pemohon adalah syarikat subsidiari</p>
<p>3. (i) Nama premis: .....</p> <p>(ii) Alamat premis: .....</p> <p>Talipon: .....</p> <p>(iii) Letaknya premis: .....</p>	<p>3. Perkataan 'premis' di sini dan di tempat-tempat lain dalam Borang ini adalah berkenaan dengan premis yang lesen dikehendaki baginya</p>
<p>4. (i) Nama pemegang lesen sebelumnya: .....</p> <p>(ii) Alamat pemegang lesen sebelumnya: .....</p> <p>(iii) Nama premis sebelumnya: .....</p> <p>(iv) Tarikh dikeluarkan:.....</p> <p>Tarikh tamat:.....</p>	<p>4. (i) Dipakai jika lesen hendak dipindahmilik</p> <p>(ii) Dipakai jika nama premis telah bertukar</p> <p>(iv) Catitkan tarikh lesen dikeluarkan, tarikh tamatnya, mengikut susunan tarikh, bulan dan tahun.</p>

(v) Lesen No:.....	
Fail rujukan:.....	

Bayaran yang ditetapkan sebanyak \$..... adalah dihantar bersama dengan permohonan ini. *(Jika pemohon tidak dapat menentukan atau menghitung amaun bayaran itu, mintalah nasihat dan bantuan dari Bahagian Alam Sekitar atau mana-mana pejabat cawangannya).*

Saya ....., pemohon/agen yang diberikuasa bagi pemohon, dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang diberi dalam permohonan ini adalah benar dan betul sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya.

Tandatangan pemohon atau agen yang diberikuasa,

.....  
*untuk dan bagi pihak,*  
*(Bubuh meteri atau cap pemohon)*

Alamat agen yang diberikuasa:

.....  
 .....  
 .....

---

### Catitan

Lesen-lesen yang berikut adalah dikehendaki oleh Akta Alam Sekeliling 1974:

- Seksyen 18 (1) - Lesen untuk menduduki atau menggunakan premis yang ditetapkan.
- Seksyen 22 (1) - Lesen untuk mengeluarkan atau melepaskan buangan ke dalam udara dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima yang ditentukan di bawah seksyen 21.

- Seksyen 23 (1) - Lesen untuk mengeluarkan atau menyebabkan atau membenarkan dikeluarkan apa-apa bunyibising yang lebih kuat bahana, keamatan, atau kualitinya dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima yang ditentukan di bawah seksyen 21.
- Seksyen 24 (1) - Lesen untuk mencemarkan atau menyebabkan atau membenarkan dicemarkan mana-mana tanahtanah atau permukaan mana-mana tanah dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima yang ditentukan di bawah seksyen 21.
- Seksyen 25 (1) - Lesen untuk mengeluarkan, melepas, atau mletakkan apa-apa buangan ke dalam mana-mana perairan daratan dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima yang ditentukan di bawah seksyen 21.
- Seksyen 29 (1) - Lesen untuk melepaskan buangan-buangan ke dalam perairan Malaysia.

---

\*Potong mana yang tidak berkenaan.

\*\*Lihat catitan di kaki Borang.

## BORANG 2

(Peraturan 3)

### LESEN

SEBAGAIMANA DIKEHENDAKI OLEH SEKSYEN.....AKTA KUALITI ALAM SEKELILING  
1974

LESEN ini adalah dikeluarkan di bawah seksyen 11 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kepada.....  
yang tinggal di ..... dan memberikuasa kepada pemegang lesen ini untuk  
.....

yang memerlukan suatu lesen sebagaimana dikehendaki oleh seksyen .....Akta itu.

Lesen ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Jadual Pematuhan yang  
dilampirkan padanya.

Lesen ini hendaklah berkuatkuasa mulai dari ..... hingga ..... melainkan jika dibatalkan atau digantung terdahulu daripada tarikh tamatnya oleh kerana melanggar apa-apa syarat yang dikenakan ke atasnya.

LESEN NOMBOR:.....

.....  
*Ketua Pengarah Kualiti  
Alam Sekitar*

Bayaran Lesen: Ringgit \$.....

sen.....

Tarikh.....

Dibuat pada 28 haribulan Jun 1977.

[KST & AS. Sulit 4315; (24) dlm. AS 1005; PN. (PU<sup>2</sup>) 280.]

TAN SRI ONG KEE HUI,  
*Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar*

**Copyrights Reserved**

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY  
LAWNET  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD